



30 Disember 2013
30 December 2013
P.U. (A) 379

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI EKSAIS (PENGECUALIAN) 2013

EXCISE DUTIES (EXEMPTION) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERINTAH DUTI EKSAIS (PENGECUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1) Akta Eksais 1976 [Akta 176], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Eksais (Pengecualian) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pengecualian daripada pembayaran duti eksais

2. (1) Tertakluk kepada perenggan 3, orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Bahagian I Jadual dikecualikan daripada pembayaran duti eksais ke atas barangan yang dinyatakan dalam ruang (3) tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ruang (4).

(2) Seseorang yang dinamakan dalam ruang (5) adalah tertakluk kepada syarat untuk mengemukakan suatu sijil yang ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Bahagian II Jadual kepada pegawai eksais yang hak.

Had pengecualian

3. Pengecualian yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diberikan sepenuhnya berkenaan dengan barangan yang dinyatakan dalam ruang (3) Bahagian I Jadual melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam syarat yang dinyatakan dalam ruang (4).

Masa apabila pengecualian berkuat kuasa

4. Pengecualian daripada pembayaran duti ke atas barangan itu mula berkuat kuasa—

(a) jika pengecualian itu tertakluk kepada pengemukakan suatu sijil, pada masa sijil itu diluluskan oleh pegawai eksais yang hak; dan

- (b) dalam hal barangan lain, apabila pegawai eksais yang hak membenarkan pelepasan barangan itu dari gudang berlesen atau premis berlesen.

Pembatalan

5. Perintah Duti Eksais (Pengecualian) 1977 [*P.U. (A) 151/1977*] dibatalkan.

EXCISE ACT 1976

EXCISE DUTIES (EXEMPTION) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(1) of the Excise Act 1976 [Act 176], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Excise Duties (Exemption) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2014.

Exemption from payment of excise duty

2. (1) Subject to paragraph 3, the persons specified in column (2) of Part I of the Schedule are exempted from the payment of excise duty on goods specified in column (3) subject to the conditions specified in column (4).

(2) A person designated in column (5) is subject to a condition to produce a certificate signed by such designated person as described in Part II of the Schedule to the proper officer of excise.

Extent of exemption

3. The exemption referred to in paragraph 2 shall be granted in full in respect of the goods specified in column (3) of Part I of the Schedule unless otherwise provided in the conditions specified in column (4).

Time when exemption operates

4. The exemption from payment of duty on such goods will take effect—

(a) where the exemption is subject to the production of certificate, at the time such certificate is approved by a proper officer of excise; and

- (b) in the case of other goods, when the proper officer of excise permits the release of the goods from the licensed warehouse or the licensed premises.

Revocation

5. The Excise Duties (Exemption) Order 1977 [*P.U. (A) 151/1977*] is revoked.